


IMBAUAN Retro




ALUNAN RITMA KOLONIAL MALAYA ERA 50-AN HINGGA 60-AN BERTEMU SENI BINA RAW INDUSTRIAL ASYIK MENGALIR DALAM SANGGAR SI ARJUNA KOTA

TEKS NADIA ZOLKIFLI
ARAHAN SENI &
PENATA GAYA
AFIQ KHAIRUDIN
GAMBAR WAN IZHAR (ONE
DIGITAL SOLUTION)



Meja kopi kayu beroda dan rak sempak keluli di kamarn tamu ini antara ilham kreatif Patrick yang turut dijual di Heartifacts.

HALAMAN SEBELAH
Laman luar turut diberi perhatian rapi penghuni; dipenuhi tumbuhan segar menjalar dan redup sekalus menstabilkan suhu sekitar kediaman.



Meski dikepung hiruk-pikuk habitat hutan konkrit, unit resideni Centrio Pantai Hillpark, Bangsar South memiliki privasi dan landskap hijau dambaan penghuni metropolitan termasuklah anak jati Kuala Lumpur, Patrick. Memilih untuk menginap di paksi kesibukan kota, Patrick mengembalikan nostalgia zaman silam di unit soho seluas 1,300 kaki persegi ini. "Kediaman soho ini dibina berkonsep terbuka tanpa sebarang dinding pembahagi dan hanya memiliki satu kamar berada di aras atas. Lantas, saya bina pembahagi ruang di dapur bagi memberi laluan buat satu lagi kamar," jelas Patrick yang tinggal bersama ibu tercinta. Pabila disoal mengapa lokasi ini menjadi pilihan, dia menjelaskan selain kedudukan strategik, Centrio adalah antara projek kelolaan arkitek idolanya, Seksan. Sambung Patrick, "Dia antara pelopor seni bina mesra alam dengan penggunaan

sepenuhnya simen mentah, konkrit dan bata merah yang mana adalah rujukan utama saya ketika menata unit ini."


ROMBAKAN SEMULA Lazimnya, ubahsuai kediaman melibatkan penambahbaikan kemasan siling dan lantai. Namun, Patrick nekad berpandukan naluri; dia memusnahkan lapisan lantai kayu dan kemasan siling plaster sedia ada di keseluruhan struktur kediaman bagi mencapai wajah *raw industrial* yang dingini. Kepingan pintu dan tetengkap kaca telus dipilih bagi memberi laluan penuh cahaya siang di segenap ruang kediaman. Kata Patrick, "Saya mahu kehidupan di luar langsung tidak terpisah dengan bahagian dalam kediaman. Lagi pula, panel pintu kaca memberikan visual pandangan mata lebih terbuka dan segar." Binaan rak daripada keluli yang diambil di kawasan pembinaan dibina mencecah siling mempamerkan sebahagian koleksi barang antik dan vintaj Patrick. Mula mengumpul kesemua barang ini dua tahun lalu, Patrick berkata, "Sejak kebangkitan semula nostalgia era



"KEDIAMAN SOHO INI DIBINA BERKONSEP TERBUKA TANPA SEBARANG DINDING PEMBAHAGI DAN HANYA MEMILIKI SATU KAMAR BERADU DI ARAS ATAS."



"SEJAK KEBANGKITAN SEMULA NOSTALGIA ERA 50-AN HINGGA 60-AN DI KAFE DAN RESTORAN SEKITAR IBU KOTA, SAYA MENGUMPUL SEDIKIT DEMI SEDIKIT MENERUSI KUNJUNGAN KE PASAR LAMBAK DAN LEWAT KEMBARA DI SEKITAR DALAM DAN LUAR NEGARA."



DARI KIRI
Seluruh anak tangga menuju ke ruang basement. Tumbuhan menjalar yang sinonim dengan ekosistem khatulistiwa di landskap luar. Kamar berada dipersembah dalam tatacara serba minimalis menepati gaya hidup si arjuna kota. Momen-momen terindah bidikan lensa Patrick turut diabadikan di pojok kerjanya. Kamar tamu serasi dalam gabungan raw industrial dan retro vintaj,



INFO KEDIAMAN

- Patrick mengambil masa hampir setahun untuk membina unit ini mengikut spesifikasi yang diingini.
- Hampir kesemua aksesori pencahayaan diperolehi daripada laman web China taobao.com.
- Patrick melapisi setiap binaan simen mentah dengan lapisan bersinar (*shine coating*) agar debu-debu pasir halus tidak keluar.
- Unit soho Centrio Pantai Hillpark, Bangsar South diterajui pasukan reka bentuk Seksan Design yang turut mereka bentuk pusat komersial D7, Sentul, Lot 10 Rooftop dan PJ Trade Centre.

50-an hingga 60-an di kafe dan restoran sekitar ibu kota, saya mengumpul sedikit demi sedikit menerusi kunjungan ke pasar lambak dan lewat kembara di sekitar dalam dan luar negara. Ada sesetengah tempat dalam negara yang masih tidak tahu nilai barang jenis ini terutamanya di timur Malaysia yang menjual pada harga jauh lebih rendah berbanding utara Malaysia.”

Malaham, ada juga barang antik warisan keluarga penghuni antaranya mesin jahit lama milik ibu Patrick kekal tersimpan rapi menghiasi pojok susur anak tangga. “Mesin ini masih cantik dan menjadi koleksi paling bermakna buat saya kerana pernah menjadi sebahagian daripada memori kehidupan kami anak-beranak.”

Kaunter dapur simen
mentah dibina bagi
memisahkan aktiviti ruang
dapur dan kamar tamu
utama.

HALAMAN SEBELAH
Ruang makan utama yang
dibina bersekali ruang
simpan (dibalik gelanggsar
besi) mengambil alih fungsi
asal ruang foyer.



HEARTIFACTS Memacu kerjaya dalam bidang IT di syarikat minyak dan gas antarabangsa, tidak mematahkan jiwa seni yang mengalir tegar dalam sanubari Patrick. Cukup berminat dalam seni fotografi jalan-jalan, Patrick juga berbakat menghasilkan rangkaian reka bentuk perabot sendiri. “Seperti yang anda lihat dek kayu lama di laman *courtyard* ini, kayu ini adalah rel keretapi lama yang saya dapati di Sungai Buloh. Selain menjadikan laluan pejalan kaki, saya mengolahnya kepada rekaan bangku. Masih banyak berbaki, saya mengambil keputusan untuk menjual menerusi laman instagram dan pasar lambak di Publika di bawah nama HEARTIFACTS Deco & Furniture,” kata Patrick sambil menunjukkan hasil bidikan lensanya megah dipamer pada dinding fokal kamar tamu utama.

Patio bersebelahan kamar tamu utama diolah menjadi ruang makan. Meja makan diperbuat daripada kepingan kayu kitar semula dan dicat serba putih. Sambungan batang paip menjadi kaki sokongan meja makan yang mampu menampung empat hingga enam tetamu memperlihatkan lestari kreativiti penghuni. Dari ruang makan, tetamu bisa melontarkan pandangan ke arah *courtyard* yang dibina bertentangan ruang tamu dan ruang makan.



**“SAYA MAHU KEHIDUPAN DI LUAR
LANGSUNG TIDAK TERPISAH DENGAN
BAHAGIAN DALAM KEDIAMAN.
LAGIPULA, PANEL PINTU KACA
MEMBERIKAN VISUAL PANDANGAN MATA
LEBIH TERBUKA DAN SEGAR.”**